

Sildenafil 100 mg

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Elonza
2. Bagaimana Elonza berfungsi
3. Sebelum menggunakan Elonza
4. Cara menggunakan Elonza
5. Semasa menggunakan Elonza
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Elonza
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Elonza

Elonza digunakan sebagai rawatan untuk lelaki dengan disfungsi erektil, iaitu ketidakupayaan untuk mencapai atau mengekalkan ereksi zakar yang mencukupi demi pencapaian seks yang memuaskan. Rangsangan seks diperlukan untuk Elonza menjadi berkesan.

## Bagaimana Elonza berfungsi

Sildenafil tergolong dalam kumpulan ubat yang dipanggil *phosphodiesterase type 5 inhibitors*. Sildenafil ialah terapi oral untuk disfungsi erektil. Secara umum, iaitu dengan rangsangan seks, ia memulihkan fungsi erektil yang terjejas dengan meningkatkan pengaliran darah ke zakar. Ia berfungsi dengan membantu mengendurkan pembuluh darah pada zakar anda, membolehkan darah untuk mengalir ke dalam zakar anda apabila anda mengalami rangsangan seksual. Sildenafil hanya akan membantu anda untuk mengalami ereksi sekiranya anda dirangsang secara seksual.

## Sebelum menggunakan Elonza

### - Bila tidak boleh menggunakan

- Jika anda alergik (hipersensitif) terhadap Sildenafil citrate
- Jika anda alergik (hipersensitif) terhadap mana-mana bahan kandungan Elonza
- Jika anda sedang mengambil ubat yang dipanggil "Nitrates"
  - ⇒ Nitrates ialah ubat yang diberikan untuk melegakan angina pektoris (atau sakit dada).
  - ⇒ Jika mengambil sildenafil dan ubat nitrates bersama, tekanan darah boleh jatuh ke tahap yang berbahaya.

- Jika anda sedang menggunakan sebarang ubat yang dikenali sebagai *Nitric oxide donors* seperti Amyl nitrite ("poppers"), kerana kombinasi ini boleh membawa kepada kejatuhan tekanan darah yang berbahaya.
- Jika anda mempunyai masalah jantung yang teruk.
- Jika anda mengalami masalah hati yang teruk
  - ⇒ Sildenafil tidak harus digunakan melainkan apabila dinyatakan dengan jelas dan dipreskripsi oleh doktor. Doktor mungkin akan memberi dos yang lebih rendah untuk anda.
- Jika anda baru-baru ini telah mengalami strok atau serangan jantung, atau jika anda mempunyai tekanan darah rendah.
- Jika anda menghidap penyakit mata warisan yang jarang berlaku (seperti *retinitis pigmentosa*).
- Jika anda pernah kehilangan penglihtan yang disebabkan oleh *non-arteritic anterior ischaemic optic neuropathy* (NAION).
- Anda tidak harus mengambil Elonza dalam kombinasi dengan mana-mana rawatan oral atau rawatan setempat yang lain untuk disfungsi erektil.
- Jika anda tidak mengalami disfungsi erektil.
- Jika anda wanita.

Jangan ambil ubat ini jika mana-mana di atas berkenaan dengan anda. Jika anda tidak pasti, dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil Elonza.

### - Sebelum mula menggunakan Elonza

Maklumkan doktor dalam kes

- Jika anda mengalami anemia sel sabit (sel darah merah tidak normal), leukemia (kanser sel darah), *multiple myeloma* (kanser sumsum tulang).
- Jika anda mengalami kecacatan zakar atau Penyakit Peyronie.
- Jika anda mempunyai masalah dengan jantung. Doktor akan memeriksa dengan teliti sama ada jantung anda boleh mengambil tekanan tambahan melakukan seks.
- Jika anda kini mempunyai ulser perut, atau masalah pendarahan (seperti hemofilia).

- Jika anda mempunyai masalah buah pinggang
  - ⇒ Doktor mungkin memberi dos yang lebih rendah bagi anda.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Jangan ambil Elonza dengan ubat lain melainkan jika doktor anda membenarkan.

Sila maklumkan doktor atau ahli farmasi jika anda mengambil atau baru-baru ini telah mengambil sebarang ubat lain. Ini termasuk ubat yang anda beli tanpa preskripsi dan ubat herba. Khususnya, maklumkan doktor atau ahli farmasi jika anda sedang menggunakan mana-mana ubat yang berikut:

- Carbamazepine
- Phenytoin
- Phenobarbital
- St. John's wort
- Rifampicin
- Ketoconazole
- Itraconazole
- Ritonavir
- Clarithromycin
- Telithromycin
- Nefazodone
- Erythromycin
- Saquinavir
- Nicorandil dan nitrate lain yang mengandungi ubat
- Nitric oxide donors seperti Amyl nitrite ("poppers")

## Cara menggunakan Elonza

### - Berapa banyak harus digunakan

#### *Oral*

##### *Penggunaan pada dewasa*

Dos yang disyorkan ialah 50 mg diambil bila perlu, satu jam sebelum aktiviti seks. Berdasarkan keberkesanan dan toleransi, dos boleh meningkat kepada 100 mg atau menurun kepada 25 mg. Dos maksimum yang disyorkan ialah sekali sehari.

##### *Penggunaan pada orang tua*

Pelarasan dos tidak diperlukan pada pesakit tua.

##### *Penggunaan pada pesakit dengan masalah buah pinggang*

Cadangan dos untuk penggunaan pada dewasa boleh digunakan pada pesakit yang mempunyai masalah buah pinggang ringgan hingga sederhana.

Dos yang rendah seperti 25mg dicadangkan untuk pesakit yang mempunyai masalah buah pinggang teruk kerana perkumuhan sildenafil boleh diperkurangkan.

#### *Penggunaan pada pesakit dengan masalah hati*

Disebabkan perkumuhan sildenafil menjadi kurang di kalangan pesakit yang mempunyai masalah hati (contohnya sirosis), maka dos rendah 25mg mungkin diberikan.

#### *Penggunaan pada kanak-kanak*

ELONZA tidak digunakan untuk individu di bawah umur 18 tahun.

#### *Penggunaan pada pesakit yang mengambil ubat-ubat lain*

Doktor anda mungkin mengesyorkan dos Sildenafil yang lebih rendah jika anda mengambil ubat-ubatan yang lain. Oleh itu, adalah penting untuk memberitahu doktor anda ubat-ubatan yang anda ambil atau akan ambil sebelum memulakan Elonza.

#### *- Bila perlu digunakan*

Adalah disyorkan untuk mengambil Elonza semasa perut kosong. Masa mula tindakan akan tertunda apabila diambil dengan makanan. Ambil Elonza satu jam sebelum anda merancang untuk melakukan hubungan seks.

Ambil Elonza satu jam sebelum anda merancang untuk mengadakan seks.

#### *- Berapa lama perlu digunakan*

Jangan mengambil Elonza lebih daripada sekali sehari. Elonza bertujuan untuk digunakan sebelum aktiviti seksual yang dijangkakan dan bukan untuk kegunaan harian yang berterusan.

#### *- Jika terlupa menggunakan*

Ambil dos anda sebaik sahaja anda ingat tetapi jangan ambil dos yang berganda untuk menggantikan tablet yang terlupa. Anda tidak harus mengambil Elonza lebih daripada sekali sehari.

#### *- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Sekiranya anda atau orang lain tidak sengaja mengambil terlalu banyak Elonza, hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan di hospital yang terdekat. Dalam kes berlebihan dos, anda mungkin merasa sakit kepala, kemerahan muka, pening, masalah pencernaan, hidung tersumbat atau pengubahan penglihatan.

#### **Semasa menggunakan Elonza**

##### *- Perkara yang perlu dilakukan*

- Jika anda mengalami penurunan atau kehilangan penglihatan secara tiba-tiba, berhenti mengambil Elonza dan hubungi doktor segera.

##### *- Perkara yang tidak boleh dilakukan*

- Minum alkohol sebelum mengambil Elonza. Minum alkohol boleh menjelaskan keupayaan anda untuk mendapat ereksi secara sementara.
- *Perkara yang perlu diberi perhatian*
- Aktiviti yang memerlukan kewaspadaan mental: Jangan memandu kereta atau mengendalikan alat atau mesin sehingga anda tahu bagaimana sildenafil boleh menjelaskan anda. Sildenafil boleh menyebabkan pening dan menjelaskan penglihatan.

#### **Kesan-sesan sampingan**

Seperti semua ubat, Elonza berkemungkinan mempunyai kesan sampingan yang tidak diingini, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

- Sakit kepala
- Muka merah
- Gangguan mata (gangguan penglihatan *chromatopsia*)
- Pening
- Palpitasi
- Kesesakan hidung
- Dispepsia

Jika sebarang kesan sampingan ini berlaku, atau jika anda perhatikan sebarang kesan tidak diingini yang tidak dinyatakan di sini, berhenti menggunakan ubat ini dan dapatkan nasihat doktor / ahli farmasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers Reporting*).

#### **Cara penyimpanan dan pelupusan Elonza**

##### *- Penyimpanan*

Simpan pada suhu tidak melebihi 30°C

##### *- Pelupusan*

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

#### **Maklumat lanjut**

##### *- Rupa dan warna produk*

Tablet berwarna biru (*royal blue*), berbentuk rombik, dwicembung, bersalut film, dengan 100 terukir pada satu muka dan berskor pada muka lain.

##### *- Bahan-bahan kandungan*

- Bahan aktif: Sildenafil citrate
- Bahan tidak aktif: Microcrystalline cellulose, Dibasic calcium phosphate compacted, Ludipress, Croscarmellose sodium, Povidone K 90, Isopropyl alcohol, Purified water, Talc, Magnesium stearate, Hydroxypropyl methylcellulose 2910, Polyethylene glycol 6000, Titanium dioxide, *Lake brilliant blue*, Simethicone emulsion 30%, Acetone

##### *- Nombor MAL*

MAL09122030A

#### **Pengilang**

UNISON LABORATORIES CO., LTD.  
39 Moo 4, Klong Udomcholjorn, Muang Chachoengsao, Chachoengsao 24000 Thailand

#### **Pemegang Pendaftaran Produk**

MEDISPEC (M) SDN.BHD  
# 55 & 57 Lorong Sempadan 2,  
(Off Boundary Road) 11400  
Ayer Itam, Penang, Malaysia

---

**Tarikh kemaskini RiMUP**

13/7/2015

**Nombor Siri**

BPK(R4/1)130715/00186